

**BN Sabah akan umumkan pendirian hudud selepas teliti pindaan PAS**  
**Malaysian Insider**  
**4 Mei, 2014**  
**Oleh Anisah Shukry**

Barisan Nasional (BN) Sabah hanya akan menyatakan pendirian mereka selepas meneliti cadangan pindaan undang-undang hudud PAS, kata Datuk Abdul Rahman Dahlan hari ini.

Menurut setiausaha BN Sabah itu, setakat ini parti BN di Sabah masih belum jelas tentang kandungan undang-undang persendirian tersebut yang jika diluluskan Parlimen, akan membolehkan kerajaan Kelantan melaksanakan hukum kanun jenayah itu.

"Sayalah setiausaha BN Sabah, dan malah dalam komponen parti juga kami perlu memberi respon kepada undang-undang (hudud) itu apabila ianya dijelaskan," kata Rahman selepas menghadiri sambutan Hari Bomba Antarabangsa 2014 di Dataran Merdeka.

"Buat masa ini kami tidak berapa tahu kandungan undang-undang persendirian itu yang akan dihantar ke Parlimen.

"Jadi sebaik sahaja PAS menjelaskannya, kami akan meneliti setiap ayat, perkataan dan noktah untuk lebih mendalami undang-undang tersebut."

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Menteri Kerajaan Tempatan dan ahli Parlimen Kota Belud itu berkata BN Sabah akan mengadakan 'perbincangan lanjut' tentang isu ini, memandangkan kerajaan Borneo yang banyak parti komponen.

"Saya tidak berasa hudud sudah dibincangkan dengan jelas dengan parti komponen yang banyak di kepulauan Borneo.

Beliau menjawab soalan yang ditanya media, sama ada Umno sudahpun membincangkan isu hudud dengan rakan sekutunya dalam BN serta musuh politik.

Pada minggu lepas, Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai menggesa parti BN untuk menentang hudud PAS kerana ia melanggar Perlembagaan Persekutuan.

Beliau mengingatkan BN bahawa apa-apa keputusan yang diambil of gabungan kerajaan memerintah mestilah berdasarkan persetujuan, selepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengatakan tidak pernah menolak hukum hudud.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom juga berkata sebuah jawatankuasa teknikal yang melibatkan PAS, Putrajaya dan negeri Kelantan akan mencari jalan untuk melaksanakan hudud.

Jamil Khir berkata jawatankuasa tersebut ditubuhkan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan undang-undang sambil mempertimbangkan kesejahteraan dan keadilan untuk rakyat Muslim, begitu juga dengan Perlembagaan Persekutuan.

Isu ini meletup sekali lagi apabila PAS baru-baru ini mengumumkan rancangan untuk memperkenalkan dua undang-undang persendirian di Parlimen untuk membolehkannya melakukannya di Kelantan.

Ia mencetuskan pergaduhan antara Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Mohd Amar Nik Abdullah dan setiausaha penganjur nasional DAP Anthony Loke.

Nik Amar mengundang kemarahan rakan seperjuangan mereka, Pakatan Rakyat apabila mengatakan mereka 'tiada hak untuk masuk campur' dalam rancangan parti Islamis itu untuk melaksanakan hudud di kawasan timur itu, menyebabkan Loke memberitahu PAS supaya "meninggalkan Pakatan jika berkeras hendak meneruskan rancangannya".

Kesudahannya tidak ternampak tentang kontroversi ini, ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim memfailkan rayuan supaya Pakatan diberi lebih masa untuk membincangkan hal ini di mesyuarat tingginya. – 4 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-sabah-akan-umumkan-pondirian-hudud-selepas-teliti-pindaan-pas>